

| | | | |
|------------|---|-------------|---------------------|
| Headline | SPNB terima 87,919 permohonan seluruh negara bagi RMR1M | | |
| MediaTitle | New Sabah Times Bahasa (KK) | | |
| Date | 24 May 2017 | Color | Black/white |
| Section | Semasa | Circulation | 17,812 |
| Page No | 1 | Readership | 53,436 |
| Language | Malay | ArticleSize | 102 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 202 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 606 |



SPNB terima 87,919 permohonan seluruh negara bagi RMR1M

SEMPORNA: Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) melalui anak syarikat SPNB Mesra Sdn. Bhd telah menerima 87,919 permohonan seluruh negara bagi Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M) sehingga 30 April tahun ini.

Pengerusi SPNB, Datuk Dr. Abdul Latiff Ahmad berkata daripada jumlah tersebut sebanyak 46,462 permohonan telah diluluskan manakala sebanyak 12,213 permohonan pula masih dalam senarai menunggu untuk kelulusan.

Menurutnya, daripada jumlah permohonan yang diluluskan sebanyak 37,426 unit telah siap dibina dan 7,669 unit pula dalam peringkat pembinaan sementara 1,367 unit sedang dalam peringkat dokumen perjanjian.

Bagi negeri Sabah katanya sebanyak 3,055 permohonan RMR1M telah diterima dan daripada jumlah itu sebanyak 1,106 permohonan telah diluluskan manakala sebanyak 365 permohonan masih dalam senarai menunggu kelulusan.

“Di Sabah sebanyak 894 unit telah siap

dibina, 140 unit pula dalam peringkat pembinaan dan 72 dalam peringkat dokumen perjanjian,”katanya pada Majlis Jom Bantu Rakyat Bersama Warga Semporna, kelmarin.

Program itu telah disempurnakan majlis perasmianya oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Senallang, Dato Sri Nasir Sakaran.

Menurutnya, program RMR1M adalah untuk membantu golongan berpendapatan seperti petani dan keluarga kurang berkemampuan yang masih belum memiliki rumah kekal atau tinggal di rumah usang dan daif.

“Golongan berpendapatan rendah dan kurang kemampuan ini perlu mempunyai tanah yang sesuai untuk pembinaan rumah sendiri yang lebih selesa dan sempurna,”katanya.

Pada program itu seramai tujuh pemohon berjaya RMR1M menerima Sijil Kelayakan Subsidi RMR1M bernilai RM35 ribu setiap seorang.
- OLEH NAZRINI BADARUN - nazrini@newsabahtimes.com.my